

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
NEGERI PULAU PINANG

DOKUMEN SEBUTTHARGA

**MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG,  
BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. SEBUTTHARGA :**

**JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011**



Jurutera Daerah  
Seberang Perai Selatan  
Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi  
14200 Seberang Perai Selatan



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN  
PULAU PINANG**

**Tajuk Kerja : MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG,  
BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutarga : JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011**

**Isi Kandungan**

<b>Bil</b>	<b>Keterangan</b>
<b>1</b>	<b>Kenyataan Sebutarga</b>
<b>2</b>	<b>Dokumen A – Arahan Kepada Kontraktor Lampiran A1- Surat Akuan Pembida. Lampiran A2- Surat Akuan Pembida Berjaya.</b>
<b>3</b>	<b>Dokumen B – Syarat-Syarat sebutarga</b>
<b>4</b>	<b>Dokumen C – Borang Sebutarga</b>
<b>5</b>	<b>Dokumen D – Jadual Kadar Harga</b>
<b>6</b>	<b>Dokumen E – Kehendak Permulaan Dan Syarat-Syarat Am</b>
<b>7</b>	<b>Dokumen J - Senarai Semak Dokumen-dokumen yang Perlu di Pulangkan kepada JPS</b>
<b>8</b>	<b>Spesifikasi</b>
<b>9</b>	<b>Pelan Punca</b>
<b>10</b>	<b>Pelan Cadangan Binaan Ban.</b>

**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN**



**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Sebuttharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

<b>No. SEBUTHARGA</b>	<b>TAJUK KERJA</b>
<b>JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011</b>	<b>MEMBINA BAN BANGJIR SUNGAI JUNJUNG, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN</b>

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebuttharga ini hendaklah berdaftar dengan :
  - i. Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam KELAS F di bawah Kepala 1, Sub-kepala 7(a), 7(b)
  - ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
  - iii. Berdaftar di bawah e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Segala maklumat berkaitan Sebuttharga boleh didapati semasa waktu pejabat di Pejabat Jurutera Daerah JPS Seberang Perai Selatan, Tingkat.3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi mulai dari 15hb JULAI hingga 22hb JULAI 2011.
4. Dokumen Sebuttharga boleh diperolehi dari laman web e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
5. Lawatan ketapak pembinaan adalah DIWAJIBKAN dan akan dibuat pada 15 JULAI 2011 jam 9.30 pagi. Hanya tuan lesen kontraktor dipelawa untuk menyertai lawatan tapak dan hendaklah melaporkan diri di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Seberang Perai Selatan pada tarikh dan waktu tersebut.
6. Sebuttharga ini akan ditutup pada 22 JULAI 2011. Dokumen sebuttharga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebuttharga di Pejabat Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Daerah Seberang Perai Selatan, Tingkat 3, Komplek Pejabat Kerajaan Sg. Jawi, tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut. **RESIT PEMBELIAN HENDAKLAH DIKEPILKAN BERSAMA BORANG SEBUTHARGA.**

.....

**Jurutera Daerah**

**JPS Seberang Perai Selatan.**

ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUTHARGA

2.1 Penyediaan Sebutharga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi segala maklumat berikut dengan sepenuhnya.

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebutharga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam borang Sebutharga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- d) Butir-butir Spesifikasi (jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebutharga

- (a) Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebutharga No. JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011 serta tajuk Sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebutharga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga.
- (b) Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Kontraktor hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.
- (d) Kegagalan Kontraktor mengembalikan Dokumen Sebutharga pada tarikh tutup Sebutharga akan membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib.

## 2.3 'Integrity Pact'

- a) Penyebut harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti dilampirkan A bersama-sama dengan \*Dokumen Sebutharga dimana ia berwaad untuk tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat.
- b) Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang bertauliah, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama (gagal mengemukakan dokumen wajib) dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

- c) Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di lampirkan B beserta dengan \*Surat Setujuterima / Borang Perjanjian Iden Kerja yang telah ditandatangani dimana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapat kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

## 2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebutharga yang tidak jelas atau bercanggah, kontraktor boleh menghubungi Pejabat ini untuk penjelasan lanjut.

## 3. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga adalah muktamad.

## 4. TEMPOH SAH SEBUTHARGA

Sebutharga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebutharga. Kontraktor tidak boleh menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga. Pengesyoran tindakan taterterbil akan diambil sekiranya Kontraktor menarik balik Sebutharga sebelum tamat tempoh sah Sebutharga.

## 5. TEMPOH BANTAHAN

Tempoh bantahan adalah ditetapkan selama 7 hari.

## DOKUMEN B

### SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA UNTUK PERKHIDMATAN

#### 1. PEMERIKSAAN TAPAKBINA

Kontraktor adalah dinasihatkan untuk memeriksa dan meneliti Tapakbina dan sekitarnya, bentuk dan jenis Tapakbina, takat dan jenis kerja, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke Tapakbina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejās Sebutharganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

#### 2. BONPERLAKSANAAN/INSURANS

- (a) Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga Sebutharga dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syaratat Kewangan, Jaminan Bank Islam, Jaminan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Bank Berhad, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful atau memilih Wang Jaminan Pelaksanaan yang dikenakan potongan sebanyak 10% daripada setiap bayaran interim sehingga mencapai jumlah 5% harga sebutharga. (bagi nilai sebutharga melebihi RM 50,000.00)
- (b) Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam \* dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Inden semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi. Sekiranya Kontraktor gagal mengemukakan semua polisi insurans selepas tempoh sah nota-nota perlindungan, tanpa sebarang sebab yang munasabah, Pegawai Inden berhak mengambil tindakan seperti di bawah pasal 9(d).

#### 3. PERATURAN PELAKSANAAN KERJA

- 3.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir kerja dalam Ringkasan Sebutharga dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen Sebutharga ini dan arahan Pegawai Inden atau wakilnya.

#### 4. KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN KERJA

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan kerja selepas 7 hari dari tarikh akhir tempoh mula kerja yang dinyatakan dalam Inden Kerja tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja akan dibatalkan oleh Pegawai Inden dan tidakkan tatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

*\*Potong jika tidak diperlukan*

5. SUB-SEWA DAN MENYERAHKAN KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengasub-sewakan kerja kepada kontraktor-kontraktor lain, kontraktor tidak boleh menyerahkan apa-apa faedah dibawah Inden Kerja tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Inden.

6. PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN KERJA OLEH PEGAWAI INDEN

Pegawai Inden atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan kerja-kerja yang tidak menepati spesifikasi. Bahan, barang dan kerja-kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri.

7. RINGKASAN SEBUTHARGA

- (i) Ringkasan Sebuttharga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebuttharga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebuttharga.
- (ii) Harga-harga dalam Ringkasan Sebuttharga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi menyiapkan kerja dengan semurnanya.
- (iii) Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harta akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebuttharga atau dalam tempoh kerja.
- (iv) Harga-harga dalam ringkasan sebuttharga yang dikemukakan oleh kontraktor hendaklah tetakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Inden tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam ringkasan sebuttharga hendaklah dibuat sebelum Inden kerja dikeluarkan.
- (v) Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebuttharga menurut perenggan (iv) tersebut di atas dan apa-apa kesilapan hisab dalam Ringkasan Sebuttharga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebuttharga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebuttharga hendaklah tetap tidak berubah.

8. PERCANGGAHAN DALAM DOKUMEN SEBUTHARGA

Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebuttharga dia hendaklah merujuk kepada Pegawai Inden untuk mendapatkan keputusan.

9. KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYIAPKAN KERJA DAN PENAMATAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR

Pegawai Inden berhak membatalkan Inden Kerja sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Inden.

- (a) Sekiranya Kontraktor masih gagal menyiapkan kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan;

- (b) Kemajuan Kerja terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian kerja, tanpa apa-apa sebab munasabah;
- (d) Tidak mematuhi arahan Pegawai Inden tanpa apa-apa alasan yang munasabah: dan
- (e) Apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap atau muflis.

#### 10. KERJA PERUBAHAN

- (a) Pegawai Inden boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan Pegawai Inden atau disahkan kemudian oleh Pegawai Inden boleh membatalkan sebutharga ini.
- (b) Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai Inden akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/ringkasan sebutharga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan kontraktor hendaklah digunakan.

#### 11. TEMPOH LIABILITI KEcacatan

Kontraktor hendaklah membaiki apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain dalam tempoh Liabiliti Kecacatan, iaitu 6 bulan dari penyiaapan kerja bagi nilai kerja kurang daripada RM50,000.00 dan 12 bulan bagi nilai kerja melebihi RM50,000.00.

#### 12. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak undang-undang kecil dan undang berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhananya dengan syarat-syarat ini.

#### 13. PERATURAN MEMBAYAR SELLEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan kerja dengan sempurnanya dan mengembalikan Inden Kerja Asal.



**DOKUMEN C**

**BORANG SEBUTHARGA**

No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011

Jabatan Pengairan Dan Saliran  
Seberang Perai Selatan,  
Tingkat 3, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
14200 Sungai Jawi.

Tuan,

Sebutharga Untuk :

**MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Pentender, Syarat-syarat Sebutharga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak

Ringgit Malaysia.....

(RM .....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dan memuaskan dalam masa ..... minggu dari tarikh mula kerja seperti yang di tetapkan di bawah Fasal 2 Borang Inden Kerja.

Bertarikh pada ..... haribulan .....20.....

.....  
(Tandatangan Pentender) (Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

Atas sifat : .....

Nama Penuh : .....

No. K/P : .....

Alamat : .....

.....

.....

.....Meteri atau Cop Syarikat

No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011

DOKUMEN D

**JADUAL KADAR HARGA**

**MEMBINA BAN BANJIR SG. JUNJUNG, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	<p>Kehendak kerja-kerja permulaan sebagai mana yang ditetapkan dalam kerja-kerja JPS, antaranya:</p> <p>a) Polisi Tanggungan Awam, Pekerja. b) Jalan masuk dan kerja lain yang berkaitan. c) Membaiki tapak kerja selepas siap d) Gambar-gambar saiz 4R sebelum,semasa dan selepas dibuat Profile gambar kerja. e) Gambar-gambar disimpan dalam satu Pendrive 8GB.</p>	<p>Harga Pukal</p>			
2.	<p>Membekal tenaga kerja,bahan dan mesin untuk kerja-kerja menaiktaraf ban Sungai Junjung, Bukit Tambun dan kerja-kerja berkaitan:</p> <p>a. Membekal, menabur dan memadatkan tanah merah daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter x 300mm tebal x 6 meter lebar.</p> <p>b. Membekal, menabur dan memadatkan batu ‘crusher-run’ daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter x 80mm x 6 meter lebar.</p> <p>c. Membekal, menabur dan memadatkan “Quarry Waste” daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter x 50mm x 6 meter lebar.</p> <p>3. Membekal, menabur dan memadatkan “Quarry Waste” daripada rantaian 3,800 meter ke 4,500 meter x 50mm x 6 meter lebar.</p> <p>4. Membina tembok penahan di ban Sungai Junjung bawah Lebuhraya PLUS seperti:-</p> <p>a. Membekal dan menjajar kayu bakau berukuran 100mm diameter x 3.6meter panjang di tebing Sg. Junjung, SPS.</p> <p>b. Membekal tanah merah, membina ban serta memadatkan ban sepanjang 160meter.</p>	<p>Meterpadu</p> <p>Meterpadu</p> <p>Meterpadu</p> <p>Meterpadu</p> <p>Batang</p> <p>Meterpadu</p>	<p>2, 880</p> <p>768</p> <p>480</p> <p>210</p> <p>500</p> <p>475</p>	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>	<p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>.....</p>

c.	Membekal dan memasang Geotektile di sepanjang jajaran bakau tebing ban.	m persegi	75	.....	.....
d.	Menyewa mesin tolak tanah untuk merata tanah dan kerja-kerja membina ban.	Hari	5	.....	.....
<b>JUMLAH HARGA DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA:</b>					

(Ringgit Malaysia :.....)

Kuantiti ini adalah hanya sebagai panduan sahaja kepada kontraktor dan Jabatan, ini tidak menjamin ketepatannya. Kerja-kerja adalah mengikut Sebuttharga dan Spesifikasi yang dikepikan serta arahan Pegawai Penjaga.

**KEHENDAK PERMULAAN DAN SYARAT-SYARAT AM**

1	Skop Kerja	<p>1.1 Kerja yang diliputi dalam Sebutharga ini adalah kerja-kerja Membina Ban Banjir Sungai Junjung, Bukit Tambun, Seberang Perai Selatan. Kesemuanya mengikut kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa yang kemudian ini disebut sebagai P.P.</p>
2.	Tempat Letak Tapakbina	<p>2.1 Tapakbina ini terletak di Kawasan Ban Sungai Junjung, Seberang Perai Selatan.</p>
3.	Harta Benda Yang Bersebelahan	<p>3.1 Dimana harta benda yang bersebelahan dengan tapak kerja sentiasa digunakan oleh Majikan/tuannya-tuannya dan penghuni-penghuni yang bersebelahan. Kontraktor hendaklah mengatur dan menjalankan kerja itu dengan gangguan atau halangan yang minimum kepada penggunaan harta benda yang bersebelahan itu termasuk jalan-jalan, lorong-lorong jalankaki, lain-lain laluan dan sebarang, perkhidmatan di situ. Dia hendaklah menurut segala arahan atau petunjuk yang diberikan oleh P.P. di dalam hal-hal ini.</p>
4.	Laluan Dan Jalan Sementara	<p>4.1 Kontraktor hendaklah mengada dan menyenggarakan semua jalan masuk sementara ke tapak kerja, pembentong, lorong, jambatan sementara dan lain-lain yang perlu untuk laluan ke kawasan dan di dalam kawasan tapak kerja sepanjang mana yang diperlukan mengikut yang diluluskan oleh P.P. Lokasi laluan ke tapak kerja yang akan dibuat hendaklah seperti yang ditandakan di atas pelan tapak kerja atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. dan Kontraktor hendaklah membuat segala urusan dan mendapatkan semua kelulusan dan keizinan yang dikehendaki atas perbelanjaannya sendiri.</p>
5.	Saliran Tapakbina	<p>5.1 Kontraktor hendaklah mengadakan saliran yang sepatutnya untuk air permukaan dari tapakbina termasuk air hujan dari kawasan sekeliling yang mengalir ke tapak bina.</p> <p>5.2 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, memperuntukkan, membentuk, memasang dan menyenggarakan apa-apa pam, pelongsor, dinding, longkang, batas-batas, perangkap-perangkap lumpur dan lain-lain kerja sementara yang perlu untuk saliran tapakbina yang sepatutnya supaya tidak berlaku banjir atau lain-lain kerosakan atau gangguan kepada kawasan-kawasan disekeliling kerja atau kepada kerja di sepanjang tempoh sebutharga ini.</p>


<p>6. Pekerja-Perkerja Dibataskan Ditapakbina</p>	<p>6.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab supaya semua orang di bawah kawalannya, termasuk mereka yang bekerja dengan Kontraktor – Kontraktor Kecil, pembekal-pembekal dan pengangkut-pengangkut dibataskan ditapak kerja dan hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan kerosakan dan apa jua gangguan dan hendaklah melepaskan tanggungan Kerajaan terhadap sebarang tuntutan yang timbul darinya.</p>
<p>7. Pengambilan Kerja Buruh Tempatan Sub-Kontraktor</p>	<p>7.1 Semua buruh dan Sub-Kontraktor yang digunakan untuk kerja ini hendaklah diambil dari daerah atau negeri di mana kerja itu terletak. Kontraktor hendaklah sebaik sahaja selepas mengambil pemilikan tapakbina, berurus dengan Pejabat Buruh Tempatan, Pegawai Daerah atau Penghulu untuk pengambilan mereka bekerja. Dalam mana-mana keadaan sekalipun Kontrak tidak dibenarkan menggunakan buruh-buruh dan Sub-Kontraktor yang diimport melainkan P.P berpuashati bahawa mereka tidak boleh diperolehi didalam daerah atau negeri yang berkenaan.</p>
<p>8. Butir-Butir Pekerja</p>	<p>8.1 Kontraktor hendaklah memberi kepada P.P. menyenggara dan mengemaskinikan satu senarai mengandungi semua pekerja-pekerjanya termasuk kesemua pekerja yang diambil bekerja oleh Sub-Kontraktor atau kesemua butiran di dalam borang yang dinyatakan di dalam Lampiran yang berkenaan pada Spesifikasi ini.</p>
<p>9. Gambar Foto Kemajuan Kerja</p>	<p>9.1 Kontraktor hendaklah mengambil gambar-gambar digital bersaiz 4R foto digital tersebut hendaklah dicatitkan dengan tajuk dan tarikh ianya diambil. Kontraktor hendaklah juga membekalkan album yang sesuai untuk simpanan gambar tersebut dengan kemajuan kerja pada setiap peringkat-sebelum, semasa dan selepas siap projek sepertiimana yang diarahkan oleh P.P. Kontraktor juga hendaklah disimpan didalam Pendrive 8 GB untuk simpanan rekod jabatan.</p>

## SPEKIFIKASI

### **MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG, BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

1. Segala tumbuhan dan sebarang pokok yang tumbuh di atas ban sediaada ini hendaklah di bersihkan dan dibuang sebelum tanah merah ditambah.
2. Membekal tanah merah, menabur dan memadatkan ban Sg. Junjung daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter bersaiz 6 meter x 0.3m tinggi.
3. Membekal batu 'crusher-run', menabur dan memadatkan diatas ban Sg. Junjung daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter bersaiz 6meter x 0.08m tinggi.
4. Setelah 'Crusher-run' ditambah, hendaklah dipadatkan dengan kereta "Roller" seberat 5 ton.
5. Membekal batu 'Quarry Waste', menabur dan memadatkan diatas ban Sg. Junjung daripada rantaian 1,200 meter ke 2,800 meter bersaiz 6meter x 0.05m tinggi.
6. Setelah 'Quarry Waste' ditambah, hendaklah dipadatkan dengan kereta "Roller" seberat 5 ton.
7. Membekal batu 'Quarry Waste', menabur dan memadatkan diatas ban Sg. Junjung daripada rantaian 3,800 meter ke 4,500 meter bersaiz 6meter x 0.05m tinggi.
8. Membina tembok penahan di ban Sungai Junjung bawah Lebuhraya PLUS.
9. Kontraktor perlu memeriksa dengan kos sendiri semua laluan kabel elektrik, telefon dan paip air untuk mengelakkan sebarang kerosakan ketika kerja-kerja dilaksanakan. Untuk itu, kontraktor perlu berurusan dengan dengan pihak berkuasa berkenaan seperti TELEKOM, TNB dan PBA untuk mendapatkan kedudukan sebenar laluan kabel dan paip air.
10. Kontraktor hendaklah memastikan supaya dengan hantaran tanah merah, Crusher run atau Quarry Waste, laluan ban yang sediaada tidak rosak atau berlubang-lubang selepas siap projek ini.
11. Kontraktor hendaklah mematuhi segala arahan kerja semasa menjalankan kerja tersebut.


#### CADANGAN PEMBINAAN BAN



# PELAN LOKASI TAPAK PROJEK



## TAPAK CADANGAN



**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**Bagi**

**Tajuk Sebutarga: MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG, BUKIT TAMBUN,**  
**SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutarga: JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang mewakili  
.....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutarga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilian Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutarga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutarga\* di atas; atau  
penamatan kontrak bagi tender/sebutarga\* di atas; dan  
lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebutarga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama:

Nama:

No. K.P.:

No KP:

Cop Syarikat:

**Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**

Bagi

**Tajuk Sebutharga: MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG, BUKIT TAMBUN,  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga: JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011**

Saya, ..... nombor K.P. .... yang mewakili  
.....

Nombor pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Jabatan Pengairan dan Saliran** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- a. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; atau
- b. penamatan kontrak bagi tender/sebutharga\* di atas; dan
- c. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebutharga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Saksi,

.....

.....

Nama:

Nama:

No. K.P.:

No KP.:

Cop Syarikat:

**Cacatan: \* Potong mana yang tidak berkaitan**

A. Rekod Pengalaman Kontraktor

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawasi Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek		
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Siap	Tarikh Siap Sebenar

\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan

**B. Senarai Kerja-kerja Dalam Tangan**

Bil.	Nama Projek	Jabatan/ Agensi Yang Mengawas Projek	Harga (RM)	Tempoh Projek	
				Tarikh Mula	Tarikh Jadual Stop

**\*Kontraktor perlu mendapat pengesahan dari jabatan/agensi yang mengawasi projek bagi setiap kerja yang disenaraikan**

**SENARAI SEMAK DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIPULANGKAN KE  
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN  
SEBERANG PERAI SELATAN**

**No. Sebutharga : JPS/SPS/N/SH/PB/48-2011**  
**Tajuk Kerja : MEMBINA BAN BANJIR SUNGAI JUNJUNG,  
BUKIT TAMBUN, SEBERANG PERAI SELATAN**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK DOKUMEN</b>	<b>DIPULANKAN (X)</b>	<b>CATATAN</b>
1	Dokumen C (Borang Sebutharga)		
2	Dokumen D (Bill Of Quantities) - Sila cop syarikat di bahagian bawah		
3	Lampiran A1 (Surat Akuan Pembida)		
4	Dokumen I (Dokumen Sokongan) - Rekod Pengalaman Kontraktor - Senarai Kerja Dalam Tangan Sila cop syarikat di bahagian bawah		
5	Salinan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
6	Salinan Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)		
7	Resit Pembelian Sebutharga ini ( RM 10.00)		

**\*\* Borang-borang yang dinyatakan di atas perlu diisi dengan jelas dan lengkap. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan sebutharga tuan tidak dipertimbangkan untuk dinilai.**

.....  
(Cop Syarikat)